

23 DEC 1996

Perubatan

UNIVERSITI TEMPATAN SEDIA TERIMA PELAJAR PERUBATAN M'SIA DI INDIA

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Universiti tempatan yang menawarkan kursus perubatan sedia menimbang untuk menyerap penuntut perubatan Malaysia di India yang melebihi kuota bilangan penuntut asing di negara itu.

Penolong Pendaftar Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar Universiti Malaya (UM) Puan Khalidah Mushar berkata pentadbiran UM perlu mengkaji kedudukan sebelum membuat sebarang keputusan.

"Buat masa ini, UM belum menerima sebarang hitam putih daripada Kementerian Pendidikan berhubung perkara itu untuk tindakan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Mengikut rekod UM, pada masa ini peluang untuk memasuki fakulti perubatan di universiti itu amat terhad dan pihak pentadbiran mengetatkan syarat kemasukan pelajar bagi menyertai fakulti itu.

Khalidah berkata jika terdapat arahan daripada kementerian, pentadbiran UM sedia menimbang perkara itu termasuk menggubal dasar penyerapan pelajar terbabit.

Beliau berkata dasar itu perlu mengambil kira aspek seperti kurikulum pelajaran yang berbeza dan tahun pengajian yang terpaksa diduduki oleh pelajar terbabit. UM menawarkan kursus perubatan selama lima tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semalam bahawa kerajaan mungkin membawa pulang penuntut perubatan Malaysia di India ke tanah air yang tidak menerima sijil kelayakan masuk untuk melanjutkan pengajian mereka ke sebuah universiti di negara itu.

Kira-kira 50 penuntut Malaysia di Kolej Perubatan MS Ramaiah, termasuk yang dibiayai kerajaan, berada dalam dilema kerana keputusan peperiksaan mereka tertangguh kerana Majlis Perubatan India belum mengeluarkan sijil kelulusan mereka menyertai kolej itu.

Dekan Pusat Pengajian Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Mafauzy Mohamed pula berkata universiti itu sedia menyerapkan pelajar-pelajar terbabit sekiranya menerima arahan daripada Kementerian Pendidikan.

Beliau berkata USM akan menerima pelajar itu sekiranya mereka layak dan menepati kriteria kemasukan seperti yang disyaratkan oleh universiti itu.

"Mereka yang sesuai saja kita terima. Tambahan lagi tempat untuk menyertai pusat pengajian ini adalah terhad," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, katanya, pelajar-pelajar itu terpaksa bersaing dengan pelajar lepasan matrikulasi dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia sebelum diterima.

USM juga akan mengambil kira kecemerlangan akademik pelajar-pelajar itu sewaktu di India untuk menentukan kelayakan kemasukan dan tahun pengajian mereka.

Dr Mafauzy tidak menolak kemungkinan pelajar yang diterima itu terpaksa memulakan pengajian mereka di tahun pertama semula agar dapat menyesuaikan diri dengan kurikulum yang ditawarkan oleh USM.

USM menawarkan kursus perubatan di kampus Kubang Krian selama lima tahun.--BERNAMA

SBS LES MAI